

S e m a n g a t
Lita'rafu
S a b a k B e r n a m

*Rusmadiyah Anwar
Mohamad Rizal Salleh
Muhamad Fairus Kamaruzaman
Verly Veto Vermol
Zuraidy Abd. Rahim*

© Penerbit UiTM, UiTM 2015

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Penerbit UiTM, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
e-mel: penerbit@salam.uitm.edu.my

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Rusmadiyah Anwar

Semangat Lita'rafu Sabak Bernam / Rusmadiyah Anwar,
Mohamad Rizal Salleh, Muhamad Fairus Kamaruzaman,
Verly Veto Vermol, Zuraidy Abd. Rahim.

ISBN 978-967-363-144-5

1. Social responsibility of business--Malaysia.
2. Pottery craft--Sabak Bernam--Selangor. I. Mohamad Rizal Salleh.
II. Muhamad Fairus Kamaruzaman. III. Judul.
658.40809595

Dicetak di Malaysia oleh:

Editor

Abdul Rahim Jalil
Oskar Hasdinor Hassan

Reka Grafik

Muhamad Fairus Kamaruzaman

Fotografi

Ahmad Syafiqi Anang

Isi Kandungan

<i>Penghargaan</i>	viii	Penyediaan Bahan	33
<i>Anjuran</i>	ix	• Jasad Tanah Liat	34
<i>Model Semangat Lita'rafu Keusahawanan</i>	x	• Dekorasi	36
<i>Iringan Kata</i>	xii	• Gerlis	39
<i>Sekapur Sireh</i>	xiv	Pembinaan Tanur	41
<i>Setitis Tinta</i>	xvi	• Binaan tanur	42
<i>Kata Alu-aluan</i>	xvii	• Pembakaran	44
<i>Latar Belakang Projek</i>	xx	• Penyediaan Ruang Kerja	46
Pengenalan Semangat Lita'rafu Sabak Bernam	1	• Pengeluaran	50
• Dimensi Seramik	2	Bengkel Dekorasi Seramik (Khas)	53
• Kronologi Pencarian Tapak Pelaksanaan Program	4	• Teknik Aplikasi Gerlis	56
• Sabak Bernam... Satu Potensi	6	• Pembakaran Gerlis	58
• Menjejak Bakat	8	• Kemasan Akhir	59
• Gugusan Bakat	10	Jawatankuasa Induk & Jawatankuasa Kerja Program Rumah Gemilang	61
Pembangunan Keusahawanan Seramik	13	Alumni & Industri, Pelajar Pasca Siswazah FSSR (Pembantu Penyelidik)	62
• Ruang dan Potensi	14	Rujukan	63
• Mengenal Usahawan Seramik	16	Glosari	65
• Penggiat Seramik Moden	18	Indeks	67
• <i>Ice Breaking</i> (Suai Kenal)	20		
Seramik Beracuan	23		
• Plaster	24		
• Acuan Plaster	26		
• Buatan Tangan	28		

Penghargaan

Anjuran



Fakulti Seni Lukis & Seni Reka



Universiti Teknologi MARA



ICAN UTM & Masmed

Tajaan



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

Kementerian Pelajaran Malaysia

Dengan Kerjasama



*Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat*

Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

Jabatan
**KEBAJIKAN
Masyarakat**



Jabatan Kebajikan Masyarakat

Penyiaran & Laporan Media


**BULETIN
UTAMA**

Buletin Utama



TV3

Model Keusahawanan Semangat Lita'rafu



Pelan strategik pelaksanaan projek berdasarkan Model Keusahawanan Semangat Lita'rafu

Iringan Kata



Assalamualaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) melalui Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka di atas usaha mendokumentasikan buku *“Projek Keusahawanan Sosial UiTM 1 Malaysia – Program Rumah Gemilang”*. Penerbitan ini adalah hasil daripada inisiatif dan usaha yang digerakkan oleh para akademia UiTM di dalam misi mereka untuk mengubah nasib anak bangsa. Program ini merupakan salah satu kebanggaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kerana selain bertindak sebagai peneraju utama dalam memberikan pendidikan berkualiti, Kementerian juga bertanggungjawab untuk memastikan berlakunya program pemindahan ilmu secara langsung kepada masyarakat.

Sebagai salah seorang pemain utama dalam pelaksanaan Bidang Keberhasilan Negara (NKRA) di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP 1.0 dan 2.0), KPM memainkan peranan penting dalam usaha untuk mempertingkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah, iaitu salah satu fokus utama NKRA. Dengan kepakaran dan kemampuan yang dimiliki oleh para akademia, memanglah menjadi hasrat Kementerian ini agar segala hasil kajian dan penyelidikan yang telah dijalankan bukan sahaja dapat dimanfaatkan malahan disalurkan terus kepada kumpulan sasaran. Ini akan menjamin hasrat Kerajaan untuk memastikan keperluan asas rakyat dapat dicapai melalui pelaksanaan inisiatif jangka pendek dan panjang dalam GTP. Program ini juga adalah bukti bahawa kerjasama antara Kerajaan, Akademia, Industri dan

Masyarakat dapat direalisasikan dengan adanya komitmen yang kukuh dari semua pihak.

Program Rumah Gemilang ini boleh dikatakan sebagai satu model yang dapat dijadikan contoh di dalam membantu memperkasakan ekonomi masyarakat pinggir bandar, khususnya Bumiputra yang telah jauh ketinggalan. Melalui modul latihan jangka pendek yang dirangka dengan baik dengan menggunakan elemen kesenian, program ini diharap dapat membuka mata masyarakat tentang peluang dan ruang bidang ini sebagai keusahawanan yang boleh diterokai.

Akhir kata saya berharap agar penglibatan akademia dalam program sebegini akan dapat dipertingkatkan bagi membuktikan pelaburan tinggi Kerajaan dalam sektor pendidikan dan penyelidikan mampu memberikan pulangan yang setimpal. Adalah diharapkan dengan lahirnya usahawan-usahawan kecil ini, mereka sedikit sebanyak dapat merencanakan perkembangan sektor ekonomi dalam negara.

Sekian, *Wabillahit Tawfiq wal Hidayah, Wassalamu ‘Alaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuh* dan terima kasih.

Dato’ Prof. Dr. Asma Binti Ismail
Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia

Sekapur Sireh



Assalamualaikum, Salam 1 UiTM dan Salam 1 Malaysia.

Pertama-tamanya, syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka buku Semangat Lita'rafu Sabak Bernam ini dapat dihasilkan dengan jayanya. Dengan terbitnya buku ini, maka terbuktilah matlamat dan objektif yang telah disasarkan dalam Projek Keusahawanan Sosial UiTM 1Malaysia: Program Rumah Gemilang telah dicapai dengan jayanya. Syabas diucapkan kepada penggerak utama projek ini iaitu Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Shah Alam.

Rumah Gemilang, satu nama yang memberikan satu maksud yang amat mendalam bukan sahaja kepada peserta program itu sendiri, malahan kepada kami, warga UiTM. Dalam menaikkan martabat dan jati diri anak bangsa terutamanya, projek ini merupakan satu wadah UiTM dalam usaha untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi kelompok bumiputera yang agak kurang bernasib baik di pinggir bandar. Ia juga merupakan satu kesinambungan kepada agenda utama UiTM yang dahulunya dikenali sebagai ITM sejak hari pertama ia ditubuhkan pada tahun 1967.

Program sebegini amat penting dalam mendidik dan memandu peserta ke satu arah pencarian sumber pendapatan yang lebih baik dan berdikari tanpa perlu mengharapkan bantuan dan belas ihsan daripada pihak kerajaan semata-mata. Ini sekurang-

kurangnya akan dapat merapatkan jurang perbezaan ekonomi antara golongan berpendapatan tinggi di bandar dengan mereka yang berada di pinggir bandar. Dengan adanya proses pemindahan ilmu sebegini, diharap ia akan melahirkan generasi bumiputera yang lebih berdaya saing dengan bangsa-bangsa lain dalam sektor sosio-ekonomi yang mana kita telah jauh ditinggalkan mereka.

Kepada penaja utama program ini iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia, jutaan terima kasih kami ucapkan atas dana yang telah disalurkan dalam usaha kami untuk memastikan projek inovasi yang disenaraikan dalam aktiviti *Vice Chancellor Special Project (VCSP)* ini dapat direalisasikan dengan jayanya. Adalah sangat diharapkan agar usaha sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang agar hasrat kerajaan untuk menjadi sebuah negara dengan rakyat berpendapatan tinggi akan dapat dicapai menjelang tahun 2020.

Akhir kata, terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah bersama merealisasikan program ini.

“UiTM SENANTIASA DI HATIKU”

Tan Sri Dato' Sri Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar
Naib Canselor Universiti Teknologi MARA

Setitis Tinta



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran kepada Allah Taala kerana dengan keberkatan dan izin-Nya, maka Fakulti Seni Lukis & Seni Reka UiTM telah berjaya menerbitkan buku Semangat Lita'rafu Sabak Bernam yang merupakan bukti dan titik kemuncak kejayaan pelaksanaan Projek Keusahawanan Sosial UiTM 1Malaysia: Program Rumah Gemilang.

Dengan tenaga dan kepakaran yang dimiliki, program ini juga merupakan satu platform kepada fakulti dalam usaha untuk melakukan proses pemindahan ilmu dari akademik kepada masyarakat. Selaku universiti tunggal di Malaysia yang menawarkan program dalam bidang seramik dari peringkat diploma sehingga ke lepasan ijazah, peluang ini turut diambil bagi mempromosikan salah satu warisan kesenian kraf Melayu yang diwarisi oleh nenek moyang sejak zaman berzaman.

Sepanjang perjalanan program yang telah dijalankan di daerah Sabak Bernam, pihak fakulti berasa sangat terharu dengan kesungguhan dan komitmen yang telah ditunjukkan oleh para peserta yang terdiri bukan sahaja dalam kalangan generasi muda, malahan ada yang menjangkau usia emas. Di

samping itu, kerjasama erat yang telah diberikan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Sabak Bernam dengan memberikan kemudahan penggunaan ruang PAWE sepanjang program berlangsung juga amat mengagumkan.

Fakulti Seni Lukis & Seni Reka selaku pemegang amanah di dalam melaksanakan program ini sentiasa bersedia bagi memastikan misi dan falsafah UiTM dapat dicapai menerusi program sebegini selari dengan hasrat universiti untuk mengubah destini anak bangsa ke satu tahap yang lebih baik. Selaku pelopor di dalam perkembangan institusi pengajian seni tanah air, besarlah harapan kami agar program ini dapat membuka minda masyarakat tentang peluang yang ada dalam menjana pendapatan yang lebih baik melalui bidang seni seramik.

Akhir kata, semoga hasil daripada program ini akan berjaya mengubah taraf sosio-ekonomi para peserta terlibat dan menjadi contoh kepada keluarga lain di pinggir bandar.

Prof. Dr. D'zul Haimi Md. Zain
Dekan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka

Kata Alu-aluan



Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, segala pujian bagi Allah yang telah memberi ilham bagi mendokumentasikan Projek Keusahawanan Sosial UiTM 1Malaysia: Program Rumah Gemilang dalam bentuk "*Coffee Table Book*". Buku ini merakamkan aktiviti kraf seramik yang telah dilaksanakan di Sungai Besar, Sabak Bernam. Program yang bergerak di bawah projek yang dirancang seawal 2012 bertujuan untuk merealisasikan aspirasi UiTM dalam perkongsian dan pemindahan ilmu oleh akademia daripada Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (FSSR), UiTM Shah Alam. Mereka adalah pensyarah dan penyelidik, selaku pengurus dan penyelia projek; alumni FSSR, selaku mentor dan rakan niaga serta pelajar sarjana, sebagai pembantu penyelidik dan pembantu mentor.

Projek yang berbentuk industri desa ini bertujuan untuk menambah pendapatan masyarakat desa dengan melatih pengusaha menghasilkan produk kraf seramik dengan menggunakan cara pembuatan dan teknologi yang mudah untuk dikendalikan dengan kos yang minima. Beberapa modul serta bengkel telah dirangka sebagai pengisian latihan Program Rumah Gemilang.

Antaranya:

- Lawatan ke Industri Kraf,
- Ceramah Keusahawanan,
- Penyediaan Bahan dan Peralatan,
- Pembentukan Produk dan
- Dekorasi dan Pembakaran.

Kami berharap dengan adanya *Semangat Lita'rafu Sabak Bernam* ini menjadi perintis utama berperanan untuk mempromosikan produk kraf seramik yang dihasilkan pengusaha tempatan dan bakal menjadikan Rumah Gemilang yang dibangunkan di kediaman sendiri sebagai salah satu destinasi pelancongan di negeri Selangor.

Sekalung tahniah diucapkan kepada 12 keluarga yang telah memberikan komitmen sepanjang hampir 7 bulan Program Rumah Gemilang ini dilaksanakan. Juga setinggi-tinggi penghargaan kepada Alumni Jabatan Seramik Perindustrian, FSSR diatas perkongsian idea dan sumbangan kepakaran bagi merealisasikan kejayaan projek ini. Tidak ketinggalan, ucapan tahniah kepada rakan-rakan daripada Projek Keusahawanan Sosial UiTM 1Malaysia: Program Rumah Gemilang, semua staf pengurusan FSSR, yang diteraju oleh Dekan Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, atas sumbangan idea dan sokongan sehingga menjadikan projek ini terlaksana dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

Profesor Madya Haji Abdul Rahim Jalil
Pengerusi Projek

Latar Belakang Projek

Projek Keusahawanan Sosial UiTM 1Malaysia: Program Rumah Gemilang

Melihat kepentingan pembangunan kekeluargaan mungkin akan terabai di atas desakan hidup harian, maka konsep keusahawanan mengguna pakai model baru dikenali sebagai Model Keusahawanan Semangat Lita'rafu dibangun oleh barisan kumpulan penyelidik dari *Formgiving Design Research Group*, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (FSSR), Universiti Teknologi MARA (UiTM). Satu konsep model keusahawanan baru yang dibentuk berdasarkan kitaran hierarki tugas mengikut kepakaran (Anwar et al., 2014).

Kerangka model ini dirancang dengan teliti bagi mentransformasikan corak keusahawanan sosial masyarakat desa daripada berpendapatan harian kepada bulanan dengan hanya bekerja dari rumah. Pihak industri seramik kraf dilantik khas untuk menjadi Mentor kepada masyarakat desa. Keluarga berpotensi sekitar daerah Sabak Bernam, Selangor akan dikenal pasti melalui maklumat yang akan diperolehi di Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Sabak Bernam. Senarai 12 orang daripada setiap keluarga berbeza akan dilatih untuk pelaksanaan projek ini. Lima alumni FSSR UiTM yang telah berkecimpung dalam dunia industri dijadikan Mentor dalam memastikan setiap peserta yang digelar Mentee ini dapat dipantau secara langsung. Latihan terus daripada pihak industri merupakan elemen penting dalam projek ini agar hasil dan mutu kerja bersesuaian dengan kehendak pasaran dan standard pengeluaran operasi perkilangan.

Projek ini dipacu dengan menjadikan konsep persekitaran kerja studio artis disalin, dibangun dan dikenali sebagai Rumah Gemilang. Rumah Gemilang ini disusun atur merangkumi ruang pemprosesan dan pengeluaran termasuk pusat jualan. Ia dijadikan pusat latihan sepanjang projek agar persekitaran kerja dapat dijiwai oleh Mentee sekali gus memudahkan mereka menyalin semula konsep Rumah Gemilang di rumah sendiri. Mentor yang datangnya daripada industri juga dijadikan sebagai sumber perancangan ekonomi terutama bagi proses jualan dan pemasaran barangan yang rata-ratanya berkonsepkan rekaan cenderahati korporat berasaskan seramik. Mentor berperanan sebagai ejen pemindahan ilmu melalui

latihan kepada keluarga terpilih terutama bagi memberi pemahaman tentang peranan Mentee dalam konsep keusahawanan sosial ini. Mentor ini juga secara tidak langsung menjadi rujukan kepada setiap keluarga bagi sebarang persoalan yang wujud berkenaan perjalanan sesuatu keusahawanan.

Pendekatan utama Rumah Gemilang adalah untuk melatih strategi penetapan harga hasil keluaran cenderahati korporat berkonsepkan 'artware' dengan mengambil kira kos pengeluaran, perancangan sistem pengurusan untuk mengimbangi pergerakan akaun, kaedah pemasaran dan publisiti melalui media massa, media cetak dan internet. Ini termasuklah latihan untuk menghasilkan produk seramik dengan mengguna pakai sumber tanah sekitar rumah sendiri (Anwar et al., 2011).

Melalui kombinasi konsep keusahawanan akademia-industri-masyarakat, Mentee dapat menghasilkan produk seramik kraf secara persendirian dan dilakukan sepenuhnya di rumah. Bagi memastikan kesinambungan projek berterusan dan hasil keluaran Mentee ini dapat dipasarkan, Mentor yang merupakan pelatih mereka secara automatik akan menjadi rakan industri kepada Mentee di mana masyarakat desa ini hanya perlu menyerahkan produk keluaran terus kepada Mentor. Mentor, selain berperanan sebagai agen pemasaran produk, mereka juga menjadi perunding kepada masyarakat desa bagi mendapatkan informasi terkini berkenaan trend pasaran (Raif et al., 2013). Perkara yang paling istimewa, kesesuaian sumber tanah Mentee yang dijadikan bahan utama pengeluaran seramik kraf ini boleh mengelak daripada terputusnya bekalan bahan utama, seterusnya dapat mengurangkan bebanan kos pengeluaran (Yahya et al., 2013).